

12/01/2001

Rombakan Kabinet untuk kemas kini pentadbiran

Kamal Ahmad; Jamhariah Jaafar; Zulkofli Jamaludin

APAKAH yang boleh ditafsirkan daripada tindakan Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman meletakkan jawatan daripada Kabinet, Jumaat lalu? Pertama, ia mengesahkan rombakan Kabinet akan dilakukan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bila-bila masa sekarang.

Malah, mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno petang ini, dikatakan memberi tumpuan khusus mengenai perkara itu. Versi lain menyebut, Perdana Menteri mungkin mengumumkan rombakan itu melalui satu kenyataan daripada Jabatan Perdana Menteri (JPM) ketika beliau melawat Jepun mulai 18 Januari ini.

Sesungguhnya, hakikat adanya rombakan Kabinet disokong sendiri oleh pengakuan Dr Mahathir sekembalinya dari Myanmar, Selasa lalu, bahawa ia mungkin membabitkan ramai menteri. Istilah `rombakan' itu sendiri membawa maksud ia adalah tindakan menyusun semula barisan secara menyeluruh.

Malah, pengguguran dan penampilan menteri Kabinetnya selepas pilihan raya tidak menggambarkan ia satu `rombakan' daripada Kabinet sebelum itu. Walaupun barisan Kabinet sekarang baru berusia 12 bulan, penyusunan semula perlu apabila Dr Mahathir merasakan ada lagi tokoh yang lebih baik mengisi kerajaannya.

Siapa yang akan gugur dan siapa pula bakal tersenyum hingga ke telinga?

Sekali imbas, ada ahli MT Umno yang di luar kerajaan dan ada pemimpin biasa Umno dalam kerajaan. Status ini mungkin diambil kira dalam rombakan ini selain melihat ketiadaan wakil Terengganu dan Kelantan dalam kerajaan.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, adalah antara mereka yang berstatus demikian. Keupayaan dan hasil kerjanya cukup hebat. Begitu juga dengan Datuk Idris Jusoh yang menganggotai MT dan Timbalan Ketua Perhubungan Umno Terengganu itu ada pengalaman dalam Kementerian Pembangunan Usahawan. Bagaimanapun, sukar diramal siapa bakal mewakili Umno Kelantan kerana kebanyakan tokoh negeri itu sudah melalui lantikan Senator sebanyak dua penggal berturut-turut.

Status Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, yang tidak lagi menduduki kerusi MT, juga sukar diramalkan walaupun ada mengatakan beliau terpaksa digugurkan.

Kedudukan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, yang tiba-tiba bagai telur di hujung tanduk selepas tewas dalam mempertahankan jawatan Ketua Wanita Umno, mungkin perlu mencari kotak untuk mengisi buku dan cenderahati di pejabatnya di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Siapa wakil dari Wanita? Ura-ura pelopor Puteri Umno, Azalina Othman, dilantik sekurang-kurangnya Setiausaha Parlimen juga hangat diperkatakan.

Pada masa sama, siapa bakal mengisi tempat Dr Siti Zaharah? Mungkin ada kejutan bagi kerusi itu.

Dalam situasi lain, tentu ramai menteri yang dinaikkan pangkat atau senioriti. Ini proses biasa dan bagi menaikkan moral anggota. Umpamanya, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Hishammuddin Hussein, Datuk Dr Rais Yatim dan tidak mustahil juga akan ada menteri yang melalui keadaan naik turun politik.

Tan Sri Khalil Yaakob pula dispekulasikan akan memberi tumpuan penuh kepada tugas Setiausaha Agung Umno. Tindakan itu bukan satu penurunan pangkat tetapi sebenarnya memberi beliau tugas lebih berat untuk memastikan Umno kembali unggul, berwibawa dan terus mendapat sokongan rakyat, khususnya Melayu.

Difahamkan, Dr Mahathir akan mengumumkan beberapa kementerian baru,

termasuk khusus mengenai kehakiman. Lebih besar daripada tumpuan kepada perjalanan badan perundangan negara, Kementerian baru itu penting dalam mengembalikan kegemilangan badan kehakiman.

Memandangkan isu paling besar, serius dan kritikal sejak kebelakangan ini berkaitan agama, difahamkan Dr Mahathir akan mengumumkan sebuah Kementerian bagi hal-ehwal agama Islam.

Seperti juga langkah beliau melantik Tan Sri Musa Mohamad, yang antara lain untuk membawa masuk ahli akademik dalam kerajaan dan mengurangkan politik dalam sektor pendidikan, Dr Mahathir dijangka membawa masuk seorang tokoh agama menerajui Kementerian baru itu.

Andainya Kementerian itu tidak ditubuhkan dan bahagian agama kekal di bawah JPM, namun penyertaan tokoh agama itu masih dengan maksud untuk membebaskan jabatan itu daripada politik.

Dengan isu agama yang dipolitikkan oleh parti pembangkang kini mencapai paras serius, kerajaan perlu membuat pembedahan dan penerangan semula kepada rakyat supaya agama tidak dijadikan elemen yang memisahkan sesama umat Islam yang kini turut membabitkan suami isteri dan ibu bapa dengan anak.

Malah, pelantikan Dr Rais sebagai pengerusi jawatankuasa khas mengkaji isu serta pindaan berkaitan etika dan penggunaan agama dalam kempen pilihan raya, dilihat usaha serius kerajaan untuk meletakkan kembali agama di landasan asal selepas dieksploitasi oleh parti pembangkang sejak kira-kira 30 tahun lalu.

Jika ini antara maksud Dr Mahathir melakukan rombakan, ia sama dengan ulasan bekas Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mustapha Jabar: "Rombakan dilakukan atas sebab tertentu, khususnya mengemas kini tugas menteri mengikut kebolehan dan pengalaman. Itu (rombakan) biasa.

"Tidak timbul soal menggilap semula imej (kerajaan) kerana selama ini kerajaan tidak pun kabur, malah berada pada tahap cemerlang."

Syed Hamid ketika mengulas mengenai rombakan yang hebat diperkatakan sekarang berkata, pelantikan dan pengguguran seseorang menteri daripada Kabinet adalah kuasa mutlak Perdana Menteri.

Katanya, menteri sendiri tidak dapat meramalkan kedudukannya dalam rombakan atau pelantikan baru itu bagi mengukuhkan barisan Kabinet yang ada sekarang.

"Saya sendiri dihujani panggilan telefon dan pertanyaan daripada rakan mengenai rombakan Kabinet," katanya.

Aktivis masyarakat, Datuk Lee Lam Thye, berkata rombakan Kabinet penting bagi memulihkan imej kerajaan, terutama selepas melalui pelbagai kritikan dan krisis sejak beberapa tahun kebelakangan.

"Melalui rombakan ini, kerajaan boleh mewujudkan pasukan yang lebih prihatin dan memahami pelbagai masalah serta isu semasa. Yang paling penting ialah Kabinet baru mesti berjiwa rakyat dan mampu menyampaikan mesej kerajaan ke akar umbi. Tugas yang menanti kepimpinan negara adalah besar kerana ia membabitkan pelbagai isu, terutama perpaduan kaum.

"Rakyat kini memang mengharapkan Kabinet lebih dinamik, lebih berjiwa rakyat dan betul-betul mengambil berat mengenai soal rakyat. Ini bererti setiap menteri yang ada dalam Kabinet mesti turun ke padang mendampingi diri dengan rakyat dan membuktikan diri sebagai pemimpin rakyat sebenarnya," katanya.

Yang paling penting, kata Lam Thye, Kabinet yang dirombak mesti adunan tenaga lama dan muda, berikutan kerajaan menghadapi tugas berat untuk menarik minat generasi muda yang semakin lantang dalam menyuarakan pandangan mereka.

Penganalisis politik, Prof Datuk Dr Ramlah Adam, pula berkata rombakan Kabinet kali ini penting bagi memulihkan imej dan prestasi kerajaan yang terjejas pada mata rakyat angkara pembangkang.

Katanya, ketika ini rakyat memandang serong kepada kerajaan kerana pembangkang sentiasa memukul gendang dan mencari kesalahan setiap pemimpin negara.

Justeru, usaha bagi menyusun semula Kabinet adalah penting bagi melicinkan semula jentera kerajaan yang agak terganggu dengan kerenah pembangkang.

"Pembangkang pandai menggunakan kelemahan kerajaan, terutama membabitkan pemimpin Umno. Justeru, pemimpin apabila bergerak sebagai menteri, perlu memastikan membawa sama nama parti dalam setiap acara dan majlis disertainya.

"Ketika ini, menteri sering meninggalkan kedudukan mereka dalam parti dan bergerak hanya atas nama kementerian. Dengan itu, nama parti seperti Umno sering terlindung di belakang nama kerajaan. Ketika masa baik dan tidak bermasalah, situasi seumpama ini tidak menimbulkan sebarang masalah. Tetapi dalam keadaan genting seperti sekarang, kedudukan itu ternyata membawa akibat yang buruk," katanya.

Ketua Pemuda Umno Negeri Sembilan, Shahziman Mansur, berkata kepemimpinan negara perlu kembali ke pangkal jalan dengan menjadi pemimpin berjiwa rakyat dan bersuara lantang serta tegas apabila keadaan memerlukan mereka berbuat demikian.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Tampin menegaskan ramai menteri dan timbalan menteri yang ada sekarang tidak bertugas dengan ikhlas, tidak berani mempertahankan keputusan yang dibuat kerajaan dengan tegas semata-mata kerana takut hilang populariti.

"Sebagai pemimpin pertengahan, tugas kami adalah sebagai penyampai masalah. Kami hanya mampu menerangkan kepada orang bawah dan membawa masalah rakyat kepada peringkat atasan. Justeru, orang atas mesti dengar dan buat sesuatu, jangan hanya dengar tanpa berbuat apa-apa... yang jadi mangsa rakyat.

"Masalah dengan pemimpin negara sekarang tidak ramai yang berani untuk mempertahankan parti dan pemimpin atasan, terutama Perdana Menteri, semata-mata kerana takut kehilangan populariti.

"Kemudian jika keluar dari Kabinet atau digugurkan, baru ingin bersuara lantang dan mengkritik kerajaan. Masa dalam kerajaan tidak ada siapa yang berani bersuara," katanya.

Seorang bekas pemimpin Pemuda Umno ketika mengulas mengenai perkara itu meramalkan beberapa muka baru mungkin dilantik untuk mengukuhkan pentadbiran kerajaan, khususnya bagi menarik semula sokongan orang Melayu.

Kejutan juga mungkin berlaku, dengan mereka yang tidak disangka-sangka mungkin dilantik menganggotai jemaah menteri. Malah, tidak juga mengejutkan jika ada pemimpin yang dilihat sudah diketepikan daripada arus perdana politik, diberi semula kepercayaan dan tanggungjawab.

(END)